



## MAJLIS DAERAH SIK KEDAH DARUL AMAN

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Kedah Darul Aman/Warganegara Malaysia untuk memenuhi jawatan yang tersebut di bawah:-

1. Jawatan	: PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/PENOLONG JURUTERA GRED JA29
Klasifikasi Perkhidmatan	: KEJURUTERAAN
Kumpulan Perkhidmatan	: PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
Taraf Jawatan	: TETAP
Jumlah Kekosongan	: 1 (LELAKI)

#### Jadual Gaji Minimum-Maksimum (RM SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401JAA29000	JA29	1,549.00	5,701.00	145.00

#### Syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c)
    - i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
atau
    - ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**2. Jawatan : PENGHANTAR NOTIS GRED N11**  
**Klasifikasi Perkhidmatan : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**  
**Kumpulan Perkhidmatan : PELAKSANA**  
**Taraf Jawatan : TETAP**  
**Jumlah Kekosongan : 1 (LELAKI)**

**Jadual Gaji Minimum-Maksimum (RM SEBULAN)**

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
<b>SSM401NA11000</b>	<b>N11</b>	<b>1,216.00</b>	<b>2,983.00</b>	<b>80.00</b>

**Syarat Lantikan :**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta lesen memandu sekurang-kurangnya Kelas B2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

<b>3. Jawatan</b>	<b>: PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA</b>
<b>Taraf Jawatan</b>	<b>: PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)</b>
<b>Jumlah Kekosongan</b>	<b>: 1</b>
<b>Jadual Gaji</b>	<b>: RM72.00 SEHARI (tempoh bekerja adalah 9 jam sehari termasuk waktu rehat)</b>

**Syarat Lantikan:**

1. Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - a) warganegara Malaysia;
  - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - c) i) Sijil dalam bidang perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
atau  
ii) Diploma dalam bidang perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

<b>4. Jawatan</b>	<b>: PEMBANTU AWAM</b>
<b>Taraf Jawatan</b>	<b>: PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)</b>
<b>Jumlah Kekosongan</b>	<b>: 1 (LELAKI)</b>
<b>Jadual Gaji</b>	<b>: RM40.00 SEHARI (tempoh bekerja adalah 9 jam sehari termasuk waktu rehat)</b>

**Syarat Lantikan:**

1. Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - a) warganegara Malaysia;
  - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**5. CARA MEMOHON :**

- a) Borang permohonan boleh didapati di Kaunter Bayaran, Majlis Daerah Sik pada waktu pejabat dengan bayaran wang proses **RM 3.00**.
- b) Permohonan hendaklah disertakan bersama salinan Sijil Kelahiran, Kad Pengenalan, Sijil Persekolahan, Sijil Berhenti Sekolah dan dokumen yang berkaitan serta sekeping gambar berukuran pasport. (**Salinan sijil-sijil perlu mendapat pengesahan terlebih dahulu oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A Gred 41 dan ke atas (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) / Pengetua Sekolah Menengah / Penghulu Mukim**).
- c) Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab ‘A’ 21 dan pastikan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini disertakan bersama.
- d) Permohonan berikut akan **DITOLAK**
  - i) tidak disertakan dokumen yang diperlukan ;
  - ii) tidak lengkap dan tidak terang;
  - iii) borang tidak ditandatangani ; dan
  - iv) tidak disertakan gambar.
- e) Permohonan ini hanya sah selama 1 tahun dari tarikh iklan.

- f) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 22sm. X 32sm. **Disudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis jawatan yang dipohon.**
- g) Alamatkan permohonan kepada:

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH SIK  
08200 SIK  
KEDAH DARUL AMAN**

**TARIKH TUTUP: 15 JANUARI 2023 (AHAD)**

**6. CATATAN AM :**

Hanya calon-calon yang layak dan disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk ditemuduga.